



KERAJAAN MALAYSIA

**PEKELILING SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2023**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

**PELAKSANAAN *INTEGRATED SERVICE AND DISCIPLINARY SYSTEM*
(TERAS) BAGI URUSAN PERKHIDMATAN DI KEMENTERIAN, JABATAN
PERSEKUTUAN DAN PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan pelaksanaan *Integrated Service and Disciplinary System* (TERAS) bagi urusan perkhidmatan pegawai lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) di Kementerian, Jabatan Persekutuan dan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan (PSUK) negeri.

LATAR BELAKANG

2. TERAS merupakan sistem yang dibangunkan untuk mengintegrasikan sistem sedia ada bagi urusan perkhidmatan termasuk urusan kenaikan pangkat dan tata tertib. TERAS mengandungi 18 modul yang merangkumi urusan pengesahan pelantikan sehingga penamatan perkhidmatan seperti di **LAMPIRAN A**.
3. TERAS direka bentuk bagi meningkatkan kecekapan pengurusan perkhidmatan penjawat awam dan menjamin integriti data. Sistem ini akan digunakan secara *End-to-End* (E2E) daripada peringkat penyediaan hingga kelulusan melalui inisiatif pendigitalan dan integrasi data dengan HRMIS, Sistem Kompetensi Perkhidmatan Awam, Sistem ISAC INTAN dan Sistem SPA9.
4. Mesyuarat Khas Suruhanjaya Bil. 3/2023 (3038) pada 9 Oktober 2023 telah bersetuju supaya TERAS digunakan dalam urusan perkhidmatan pegawai lantikan SPA di Kementerian, Jabatan Persekutuan dan PSUK negeri.

DEFINISI

5. Bagi maksud Pekeliling ini:

“Pegawai” bermaksud pegawai yang dilantik secara tetap oleh SPA termasuk pegawai yang berkhidmat di PSUK Negeri Selangor, Pahang dan Perak;

“Pegawai Bertanggungjawab” bermaksud Pegawai Penyedia, Pegawai Peraku dan Pegawai Pemantau;

“Pegawai Penyedia” bermaksud pegawai yang bertanggungjawab menyemak dan memasukkan maklumat perkhidmatan pegawai ke dalam TERAS;

“Pegawai Peraku” bermaksud pegawai yang bertanggungjawab mengesahkan maklumat perkhidmatan pegawai dalam TERAS; dan

“Pegawai Pemantau” bermaksud pegawai yang bertanggungjawab memantau urusan perkhidmatan yang dilaksanakan melalui TERAS di Kementerian, Jabatan Persekutuan dan PSUK negeri.

PELAKSANAAN TERAS

6. Bagi menggunakan TERAS, Kementerian, Jabatan Persekutuan dan PSUK negeri hendaklah melaksanakan tindakan berikut:

6.1 Persediaan sebelum menggunakan TERAS

- (a) mengenal pasti pengguna mengikut kategori iaitu Pegawai Penyedia, Pegawai Peraku dan Pegawai Pemantau;
- (b) mengemukakan permohonan kepada SPA untuk mewujudkan ID Pengguna dan Kata Laluan melalui e-mel teras@spa.gov.my. Maklumat e-mel rasmi, nombor telefon pejabat, tempat bertugas dan peranan pengguna yang didaftarkan hendaklah sah dan tepat;
- (c) melaporkan sebarang pertukaran Pegawai Bertanggungjawab sama ada bertukar peranan, berpindah pejabat, bersara dan seumpamanya kepada pihak SPA untuk pengemaskinian ID Pengguna bagi memastikan penggunaan sistem berjalan lancar;
- (d) memastikan latihan diberi kepada Pegawai Bertanggungjawab sebelum menggunakan TERAS. Latihan tersebut hendaklah dilaksanakan oleh Bahagian Sumber Manusia, Kementerian, Jabatan Persekutuan dan PSUK negeri masing-masing. Permohonan latihan boleh dikemukakan kepada SPA sekiranya perlu;
- (e) membuat rujukan kepada Manual Pengguna TERAS di pautan <http://teras.spa.gov.my> sebagai panduan; dan

(f) mengemas kini maklumat sandangan pegawai seperti penyata perubahan pendapatan (Kew.8), cuti dalam perkhidmatan, alamat tempat bertugas, gaji dan sebagainya dalam HRMIS sebelum membuat permohonan urusan perkhidmatan dalam TERAS.

6.2 Penggunaan TERAS

- (a) memastikan dokumen dalam fail peribadi pegawai adalah lengkap mengikut senarai semak urusan perkhidmatan yang boleh dimuat turun dari portal rasmi SPA (www.spa.gov.my);
- (b) mencapai pautan TERAS melalui <http://teras.spa.gov.my>;
- (c) memastikan Pegawai Bertanggungjawab menggunakan ID Pengguna dan kata laluan masing-masing dan bertanggungjawab ke atas kerahsiaannya;
- (d) mengemukakan maklum balas kuiri dalam tempoh 14 hari selaras dengan Surat Pekeliling SPA Bil. 2 Tahun 2017;
- (e) mencetak sesalinan surat kelulusan melalui TERAS untuk disimpan di dalam fail peribadi pegawai; dan
- (f) bertanggungjawab ke atas data/ maklumat pegawai bagi setiap urusan perkhidmatan yang didaftarkan. Sebarang manipulasi data dan kebocoran data/ maklumat adalah tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi Kerajaan 1972/1988.

6.3 Pemantauan Penggunaan TERAS

- (a) memastikan dokumen dan fail peribadi pegawai adalah lengkap dan disimpan dengan teratur; dan
- (b) memantau status urusan perkhidmatan bagi Kementerian, Jabatan Persekutuan dan PSUK negeri berdasarkan laporan/ statistik yang dijana melalui TERAS.

6.4 Naziran Urusan Perkhidmatan

Melaksanakan naziran dalaman bagi memastikan semua urusan perkhidmatan yang dibuat melalui TERAS dilaksanakan dengan teratur.

PERANCANGAN PELAKSANAAN TERAS

7. TERAS telah dilaksanakan secara rintis melibatkan tiga buah (3) agensi iaitu Kementerian Kerja Raya, Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia mulai 17 April 2023 bagi empat (4) modul Fasa 1 iaitu Pengesahan Pelantikan, Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen. Perancangan pelaksanaan secara berperingkat modul berkenaan di Kementerian, Jabatan Persekutuan dan PSUK negeri adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
8. Peluasan penggunaan TERAS Fasa 2 dijadualkan secara berperingkat mulai Mac 2024.

TEMPOH PERALIHAN

9. Mengambil kira pelaksanaan TERAS adalah secara berperingkat, semua urusan perkhidmatan yang diperakukan dalam Sistem ePengesahan dan kaedah sedia ada hendaklah diteruskan sehingga tarikh pelaksanaan TERAS di Kementerian, Jabatan Persekutuan dan PSUK negeri.

BANTUAN SISTEM


10. Sebarang pertanyaan/ masalah berkaitan sistem boleh diajukan kepada meja bantuan (*helpdesk*) melalui e-mel teras@spa.gov.my atau menghubungi talian 03-8091 9209 (teknikal)/ 03-8091 9155 (perkhidmatan).

PEMAKAIAN

11. Pekeliling ini hendaklah terpakai kepada semua Kementerian, Jabatan Persekutuan dan PSUK Melaka, Pulau Pinang, Perlis dan Negeri Sembilan bagi pegawai yang dilantik di bawah bidang kuasa SPA.
12. Pemakaian pekeliling ini dipanjangkan kepada pegawai lantikan SPA yang berkhidmat di PSUK Negeri Selangor, Pahang dan Perak.

TARIKH KUAT KUASA

13. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ditandatangani.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATUK IKRBAL HANAM BIN MUKRAS)
Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Malaysia
19 Disember 2023

LAMPIRAN A

**SENARAI PELAKSANAAN MODUL
INTEGRATED SERVICE AND DISCIPLINARY SYSTEM (TERAS) MENGIKUT FASA**

BIL.	MODUL	FASA
1.	Pengesahan Pelantikan	1
2.	Pengesahan Dalam Perkhidmatan	
3.	Pemberian Taraf Berpencen	
4.	Pelanjutan Tempoh Percubaan	
5.	Maklumat Pegawai	
PENTADBIR SISTEM SPA		
6.	Pengurusan Sistem	
7.	Bantuan Dalam Talian	
8.	Pemutihan Data Sistem eSPDM	
9.	Pengurusan Kertas Suruhanjaya	
10.	Penentuan Status Tawaran	2
11.	Penetapan Gaji Permulaan	
12.	Pertukaran/ Peminjaman/ Pelepasan Perkhidmatan	
13.	Kembali Ke Dalam Skim Perkhidmatan Terdahulu	
14.	Notis Cadangan Penamatan Perkhidmatan	
15.	Penamatan	
16.	Tatatertib	
17.	Rayuan Tatatertib	
18.	Rayuan Naik Pangkat	

LAMPIRAN B

PERINGKAT	NAMA KEMENTERIAN/ JABATAN/ PSUK NEGERI	TARIKH PELAKSANAAN
Rintis	1. Kementerian Kerja Raya 2. Jabatan Imigresen Malaysia 3. Jabatan Penjara Malaysia	17 April 2023
1	1. Jabatan Perdana Menteri 2. Kementerian Kewangan 3. Kementerian Dalam Negeri 4. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam 5. Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam 6. Kementerian Pengangkutan 7. Kementerian Komunikasi 8. Kementerian Digital 9. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya 10. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi 11. Kementerian Perpaduan Negara 12. Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan 13. Kementerian Belia dan Sukan 14. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	2 Januari 2024
2	1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan 2. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 3. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah 4. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri 5. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup 6. Kementerian Sumber Manusia 7. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka 8. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan 9. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	2 Mei 2024
3	1. Kementerian Ekonomi 2. Kementerian Luar Negeri 3. Kementerian Pertahanan 4. Kementerian Pendidikan 5. Kementerian Pendidikan Tinggi 6. Kementerian Perladangan dan Komoditi 7. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis 8. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang 9. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang 10. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	1 Ogos 2024
4	Kementerian Kesihatan Malaysia	2 Disember 2024